

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima Pelan Bayaran Flexi-i CIMB Islamic. Pastikan anda juga membaca dan memahami set penuh Terma-Terma dan Syarat-Syarat Program Pelan Bayaran Flexi-i dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad CIMB Islamic yang boleh didapati dalam laman web kami di www.cimb.com.my. Dapatkan penjelasan jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am.</p>	CIMB Islamic Bank Berhad Pelan Bayaran Flexi-i Tarikh: 24 Ogos 2024						
1. Apakah produk ini berkenaan?							
<p>Pelan Bayaran Flexi-i CIMB Islamic ("Pelan Bayaran Flexi-i") membolehkan anda untuk menukar transaksi runcit kad kredit-i anda kepada pelan ansuran bulanan.</p> <p>Pelan Bayaran Flexi-i tidak terpakai kepada transaksi tunai dan berasaskan tunai, jumlah ansuran yang perlu dibayar di bawah program CIMB Islamic Bank lain seperti CashLite-i, Penukaran Baki-i, Penukaran Baki Auto-i, fi tahunan, cukai perkhidmatan, jumlah tertunggak lampau dan apa-apa caj kemudahan/fi/ caj pampasan lain yang dikenakan oleh CIMB Islamic Bank di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad.</p>							
2. Apakah yang boleh saya dapatkan daripada produk ini?							
<p>Anda akan dapat menikmati lebih rebat atas caj kemudahan dengan menukar transaksi runcit kad kredit-i anda pada kad kredit CIMB Islamic Bank anda kepada ansuran bulanan yang berpatutan. Ini akan menyebabkan Caj Kemudahan Perlu Dibayar yang lebih rendah. Rebат yang akan diberikan kepada anda akan berdasarkan kadar Caj Kemudahan Perlu Dibayar yang akan dicaj untuk Pelan Bayaran Flexi-i.</p> <p>Kadar Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pelan Bayaran Flexi-i adalah dikenakan seperti berikut:</p> <table border="1"><tr><td>Kadar Rata</td><td>Sehingga 9.88% setahun</td></tr><tr><td>Kadar Efektif</td><td>Sehingga 17.95% setahun</td></tr><tr><td>Tempoh</td><td>6, 12 & 24 bulan</td></tr></table> <p>Jumlah minimum transaksi runcit kad kredit yang anda boleh tukarkan kepada Pelan Bayaran Flexi-i ialah Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) bagi setiap transaksi individu dan jumlah maksimum adalah tertakluk kepada baki runcit tertunggak dan had kad kredit sedia ada anda.</p> <p><i>Anda tidak akan layak kepada apa-apa mata bonus atau rebat tunai bagi transaksi Pelan Bayaran Flexi-i.</i></p>		Kadar Rata	Sehingga 9.88% setahun	Kadar Efektif	Sehingga 17.95% setahun	Tempoh	6, 12 & 24 bulan
Kadar Rata	Sehingga 9.88% setahun						
Kadar Efektif	Sehingga 17.95% setahun						
Tempoh	6, 12 & 24 bulan						
3. Apakah kewajipan saya?							
<p>Anda akan dikehendaki untuk membuat bayaran ansuran bulanan Pelan Bayaran Flexi-i ("Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i") sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang bayaran yang dinyatakan di penyata kad kredit-i, bersama dengan apa-apa bayaran tertunggak atas baki kad kredit anda.</p>							

Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i anda adalah dikira berdasarkan kaedah bayaran baki tetap bulanan seperti yang digambarkan di bawah. Setiap Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i akan dibilang kepada akaun kad kredit anda.

Ilustrasi di bawah menunjukkan potongan bulanan jumlah prinsipal dan Caj Kemudahan Perlu Dibayar daripada jumlah prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak anda berdasarkan Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i anda:

Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i	RM10,000
Tempoh	12 bulan
Kadar Rata	9.88% setahun
Kadar Efektif	17.76% setahun
Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i	RM915.67*
Jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM988.00
Jumlah Prinsipal & Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM10,988.00

Bulan	Jumlah Prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i Tertunggak (RM)	Bayaran Prinsipal Bulanan (RM)	Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan (RM)	Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i (RM)
1	10,000.00	763.67	152.00	915.67
2	9,236.33	776.33	139.33	915.67
3	8,460.00	789.00	126.67	915.67
4	7,671.00	801.67	114.00	915.67
5	6,869.33	814.33	101.33	915.67
6	6,055.00	827.00	88.67	915.67
7	5,228.00	839.67	76.00	915.67
8	4,388.33	852.33	63.33	915.67
9	3,536.00	865.00	50.67	915.67
10	2,671.00	877.67	38.00	915.67
11	1,793.33	890.33	25.33	915.67
12	903.00	903.00	12.67	915.67
Jumlah		10,000.00	988.00	10,988.00

*Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i untuk bulan pertama mungkin berbeza disebabkan penggenapan jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar/prinsipal

Jumlah Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i adalah tetap. Sebarang pra-bayaran atau bayaran berlebihan tidak akan dengan segera mengurangkan jumlah prinsipal tertunggak atau Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i berikutnya dan hanya akan dianggap oleh Bank sebagai bayaran pendahuluan Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i masa depan.

4. Apakah fi atau caj yang perlu saya bayar?

Tiada fi pemprosesan atau fi penyelesaian awal bagi Pelan Bayaran Flexi-i.

5. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya gagal memenuhi kewajipan saya?

Caj Kemudahan Perlu Dibayar:

CIMB Islamic Bank akan memberi rebat dan mengenakan Caj Kemudahan Perlu Dibayar sebanyak 18% setahun terhadap mana-mana wang belum dibayar yang tertunggak dan masih belum dibayar kepada CIMB Islamic Bank selepas tarikh matang yang berkaitannya dikira atas dasar baki harian. Caj Kemudahan Perlu Dibayar tersebut akan dicaj kepada Akaun dan dikira dari tarikh pengeposan dalam Penyata sehingga bayaran penuh diterima. Caj Kemudahan Perlu Dibayar yang terakru tersebut akan perlu dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang bayaran berikutnya yang dinyatakan dalam penyata kad kredit.

Ta'widh (Pampasan):

Sekiranya Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i tidak dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang bayaran yang dinyatakan dalam penyata kad kredit setiap bulan, sebagai tambahan kepada Caj Kemudahan Perlu Dibayar yang dirujukkan di atas, kami akan mengenakan pampasan sebanyak satu peratus (1%) ke atas baki tertunggak Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i (tertakluk kepada minimum RM10.00 dan maksimum RM100.00). Walau bagaimanapun, pampasan tersebut tidak akan dikompaunkan, dan perlu dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang bayaran yang dinyatakan dalam penyata kad kredit.

Kami boleh memberikan anda suatu tempoh penangguhan selama empat (4) hari kalender untuk membayar sekiranya tarikh matang bayaran jatuh pada hujung minggu atau cuti am.

Hak Tolakan:

Kami boleh menolak sebarang baki kredit anda yang ada dengan kami terhadap sebarang wang yang terhutang di bawah akaun kad kredit yang anda pilih untuk Pelan Bayaran Flexi-i dengan memberikan anda notis terdahulu tujuh (7) hari kalender.

Tindakan yang boleh kami ambil: Kami boleh mengambil tindakan undang-undang mahkamah terhadap anda jika anda tidak membayar kami tepat masa. Kami akan:-

- menghubungi anda untuk mengingatkan anda supaya membayar jumlah tertunggak;
- menghantar peringatan kepada anda melalui surat, khidmat pesanan ringkas atau e-mel; atau
- mengarahkan kakitangan dan/atau kakitangan agensi kutipan hutang sumber luar kami untuk mengunjungi anda di rumah atau tempat perniagaan anda supaya mengingatkan anda tentang tanggungjawab bayaran anda.

Kami boleh memperuntukkan sebarang wang yang anda mungkin ada di mana-mana akaun anda dengan kami dan melaksanakan hak tolakan kami terhadap wang ini dan/atau menyenaraihitamkan nama anda dengan mana-mana agensi atau biro atau pangkalan data kredit.

Sila juga ambil perhatian bahawa kami mempunyai hak untuk melantik ejen luaran untuk mengutip hutang yang perlu dibayar kepada kami dan menjual hutang anda yang terhutang kepada kami kepada pihak ketiga.

Peristiwa Ingkar:

Jika anda gagal membayar Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i anda selama tiga (3) bulan berturut-turut atau lebih, semua wang yang perlu dibayar dan terhutang di bawah Pelan Bayaran Flexi-i terdiri daripada yang berikut akan menjadi tertunggak dan perlu dibayar oleh anda:

- jumlah ansuran bulanan Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak;
- jumlah prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i belum dibilikan;
- caj kemudahan yang terpakai; dan baki semua wang lain yang tertunggak dan terhutang di bawah Pelan Bayaran Flexi-i.

Kami mempunyai hak untuk menuntut daripada anda supaya membayar jumlah yang disebut di atas sepenuhnya dengan segera.

6. Bagaimanakah jika saya menyelesaikan baki dengan sepenuhnya sebelum tarikh matangnya?

- Tiada tempoh terkunci ("lock-in") atau sekatan penyelesaian awal untuk Pelan Bayaran Flexi-i.
- Anda boleh melakukan penyelesaian awal bagi jumlah keseluruhan tertunggak sebelum tamat tempoh yang dipersetujui, dengan menghubungi pusat panggilan kami dan memberikan kami notis bertulis terdahulu sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari kalender.
- Untuk penyelesaian awal Pelan Bayaran Flexi-i, anda dikehendaki membayar CIMB Islamic Bank:
 - bahagian caj kemudahan perlu dibayar pro-rata atas Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan ("Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata") akan dikenakan; dan
 - Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak dan belum dibayar, caj kemudahan, caj pampasan dan caj lain jika ada; dan
 - jumlah keseluruhan prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i yang terhutang.

Untuk kejelasan, sila rujuk kepada Contoh 1 dan Contoh 2 di bawah.

Contoh 1: Penyelesaian awal **sebelum** Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i Pertama dibilikan

Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i	RM10,000.00
Tempoh	12 bulan
Kadar Rata	9.88% setahun
Kadar Efektif	17.76% setahun
Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i	RM915.67*
Jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM988.00
Jumlah Prinsipal & Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM10,988.00
Tarikh Kelulusan Pelan Bayaran Flexi-i	1 Jun 2024
Tarikh Pembatalan Pelan Bayaran Flexi-i	14 Jun 2024
Tarikh Penyata Pemegang Kad	Hari ke-20 dalam sebulan

Bulan	Jumlah Prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i Tertunggak (RM)	Bayaran Prinsipal Bulanan (RM)	Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan (RM)	Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i (RM)
1	10,000.00	763.67	152.00	915.67
2	9,236.33	776.33	139.33	915.67
3	8,460.00	789.00	126.67	915.67
4	7,671.00	801.67	114.00	915.67
5	6,869.33	814.33	101.33	915.67
6	6,055.00	827.00	88.67	915.67
7	5,228.00	839.67	76.00	915.67

8	4,388.33	852.33	63.33	915.67
9	3,536.00	865.00	50.67	915.67
10	2,671.00	877.67	38.00	915.67
11	1,793.33	890.33	25.33	915.67
12	903.00	903.00	12.67	915.67
Jumlah		10,000.00	988.00	10,988.00

* Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i untuk bulan pertama mungkin berbeza disebabkan penggenapan jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar /prinsipal.

Berdasarkan contoh di atas, jika Pemegang Kad Layak memutuskan untuk membuat penyelesaian awal pada 14 Jun 2024 iaitu sebelum pembayaran Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i pertama iaitu sebelum bil penyata kad kredit Pemegang Kad Layak pada 20 Jun 2024, Pemegang Kad Layak akan dikehendaki membayar jumlah prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak sebanyak RM10,000 dan Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata berjumlah RM70.93.

Pengiraan Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata Program ini adalah seperti yang digambarkan di bawah:

Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan untuk Bulan 1 adalah RM152.00

Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata =

Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan (untuk bulan yang mana penyelesaian awal dibuat) x bilangan hari dari tarikh kelulusan Pelan Bayaran Flexi-i ke tarikh penyelesaian awal Pelan Bayaran Flexi-i /bilangan hari dalam bulan tersebut

$$= 15 \times 14/30$$

$$= \text{RM}70.93$$

Pemegang Kad adalah dikehendaki untuk membayar jumlah keseluruhan prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak sebanyak RM 10,000.00 + RM 70.93 + sebarang caj kemudahan + caj pampasan jika ada.

Contoh 2: Penyelesaian awal **selepas** Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i Pertama dibilikan

Jumlah Pelan Bayaran Flexi-i	RM10,000.00
Tempoh	12 bulan
Kadar Rata	9.88% setahun
Kadar Efektif	17.76% setahun
Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i	RM915.67*
Jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM988.00
Jumlah Prinsipal & Caj Kemudahan Perlu Dibayar	RM10,988.00
Tarikh Kelulusan Pelan Bayaran Flexi-i	1 Jan 2024
Tarikh Pembatalan Pelan Bayaran Flexi-i	14 Jun 2024
Tarikh Penyata Pemegang Kad	Hari ke-20 dalam sebulan

Bulan	Jumlah Prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i Tertunggak (RM)	Bayaran Prinsipal Bulanan (RM)	Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan (RM)	Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i (RM)
1	10,000.00	763.67	152.00	915.67
2	9,236.33	776.33	139.33	915.67
3	8,460.00	789.00	126.67	915.67
4	7,671.00	801.67	114.00	915.67
5	6,869.33	814.33	101.33	915.67
6	6,055.00	827.00	88.67	915.67
7	5,228.00	839.67	76.00	915.67
8	4,388.33	852.33	63.33	915.67
9	3,536.00	865.00	50.67	915.67
10	2,671.00	877.67	38.00	915.67
11	1,793.33	890.33	25.33	915.67
12	903.00	903.00	12.67	915.67
Jumlah		10,000.00	988.00	10,988.00

* Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i untuk bulan pertama mungkin berbeza disebabkan penggenapan jumlah Caj Kemudahan Perlu Dibayar /prinsipal.

Berdasarkan contoh di atas, jika Pemegang Kad memutuskan untuk membuat penyelesaian awal pada 14 Jun 2024 iaitu selepas Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i ke-5 dibilang dalam penyata 20 Mei 2024, Pemegang Kad dikehendaki membayar jumlah prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak sebanyak RM6,055.00 dan Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata berjumlah RM71.51.

Pengiraan Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata Program ini adalah seperti yang digambarkan di bawah:

Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan untuk Bulan 6 adalah RM88.67

Caj Kemudahan Perlu Dibayar Pro-Rata =

Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan¹ x bilangan hari dari tarikh kitaran penyata² sehingga tarikh penyelesaian awal/ bilangan hari bulan kitaran penyata terakhir

$$= 88.67 \times 25/31$$

$$= \text{RM}71.51$$

Pemegang Kad Layak adalah dikehendaki untuk membayar jumlah keseluruhan prinsipal Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak sebanyak RM 6,055.00 + RM 71.51 + sebarang Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i tertunggak yang belum dibayar + caj kemudahan + caj pampasan jika ada.

Nota:

¹ Caj Kemudahan Perlu Dibayar Bulanan bagi bulan yang mana penyelesaian awal dilakukan.

² Tarikh penyata terakhir sebelum penyelesaian awal dilakukan.

7. Apakah risiko-risiko utama?

Ansuran Bulanan Pelan Bayaran Flexi-i mestilah dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang bayaran yang dinyatakan dalam penyata kad kredit. Fikirkan tentang keupayaan bayaran anda semasa memohon Pelan Bayaran Flexi-i.

Caj Kemudahan Perlu Dibayar akan dikenakan ke semua wang belum dibayar yang tertunggak dan masih belum dibayar di bawah Pelan Bayaran Flexi-i pada atau sebelum setiap tarikh matang bayaran yang dinyatakan dalam penyata kad kredit.

Sekiranya anda mempunyai sebarang masalah membayar sebarang wang tertunggak di bawah Pelan Bayaran Flexii menjelang tarikh matang bayaran yang dinyatakan dalam penyata kad kredit, hubungi kami terlebih dahulu untuk membincangkan bayaran alternatif.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran hubungan saya?

Ia adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

CIMB Islamic Bank Berhad

Unit Resolusi Pelanggan

Alamat : Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan.

Telefon : +603 6204 7788

E-mel : contactus@cimb.com

Sekiranya anda mengalami kesukaran dalam membuat bayaran, anda haruslah menghubungi kami seawal yang mungkin untuk membincangkan bayaran alternatif.

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), suatu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturran semula hutang untuk individu. Anda boleh hubungi AKPK di:

Alamat : Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Telefon : +603 2616 7766

Laman web : www.akpk.org.my

Anda juga boleh menyertai Program "Pengurusan Wang Ringgit Anda" (POWER) yang ditawarkan oleh AKPK yang menggalakkan disiplin kewangan dan pengurusan kewangan secara berhemat. Untuk maklumat lanjut atau mendaftar, sila hubungi AKPK di +603 2616 7766 atau layari laman web di www.akpk.org.my



CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872 (671380-H)

Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang kami berikan, anda juga boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan kami.

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Telefon : 1 300 88 5465

Faks : +603 2174 1515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

10. Produk kad kredit-i lain yang sedia ada:

Sila rujuk laman web CIMB Islamic Bank di www.cimb.com.my.

NOTA PENTING:

- 1) **TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENGEKALKAN BAYARAN BAGI BAKI KAD KREDIT-i ANDA.**
- 2) **SEKIRANYA ANDA MEMERLUKAN PENJELASAN LANJUT TENTANG LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUKINI, SILA RUJUK KEPADA KAKITANGAN BANK KAMI.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 24 Ogos 2024.